



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

**BERKENAAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2015;**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2015
BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI; DAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN, BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri Tahun 2015 dibentangkan secara bersiri sebanyak 2 kali pada tahun ini.
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015; Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Kewangan Tahun 2015 Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri; dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016 (Rabu) setelah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada hari yang sama, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di Parlimen.

3. Laporan Ketua Audit Negara ini mengandungi perkara-perkara berikut:

3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

- a) Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab mengesahkan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memberi gambaran yang benar tentang kedudukan kewangan Kerajaan/agensi berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2015 serta hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Dengan kerjasama daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara dapat membentangkan laporan audit mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan lebih awal daripada biasa kepada Parlimen iaitu sebelum YAB Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2017.

b) Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Persekutuan

Secara keseluruhannya, hasil Kerajaan Persekutuan berkurangan sejumlah RM1.537 bilion (0.7%) berbanding dengan tahun 2014. Kutipan Cukai Pendapatan Individu menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.899 bilion (7.8%) dan kutipan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM27 bilion. Bagaimanapun, pengurangan hasil Cukai Pendapatan Petroleum sejumlah RM15.397 bilion, Cukai Pendapatan Syarikat sejumlah RM1.560 bilion dan Royalti Petroleum sejumlah RM1.389 bilion menyumbang kepada pengurangan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015.

Kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan yang besar kepada kutipan hasil. Manakala kutipan cukai jualan dan perkhidmatan berkurangan apabila cukai ini digantikan dengan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST). Pada tahun 2015, kutipan Cukai Barang Dan Perkhidmatan Tempatan berjumlah RM14.040 bilion dan Cukai Barang Dan Perkhidmatan Import adalah berjumlah RM12.973 bilion. Oleh itu, Kutipan Hasil Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) yang dikutip pada tahun 2015 berjumlah RM27.013 bilion.

3.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a) Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian terhadap pengurusan kewangan sektor awam berdasarkan Sistem Penarafan berasaskan kepada Indeks Akauntabiliti (IA). Ia dilaksanakan bertujuan untuk menilai sejauh mana pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Badan Berkanun Persekutuan/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan Kerajaan. Aspek yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah/Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor; Pengurusan Kenderaan; Pengurusan Pelaburan; dan Pengurusan Pinjaman.
- b) Penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan (IA) dilaksanakan mengikut 2 kategori iaitu Kategori Wajib dan Kategori Giliran. Agensi yang diletakkan di bawah kategori wajib perlu dinilai prestasi kewangannya setiap tahun manakala agensi di bawah kategori giliran akan dinilai prestasi kewangannya setiap 3 tahun sekali. Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri yang **wajib dibuat penilaian prestasi** kewangan setiap tahun adalah seperti berikut:

PERINGKAT PERSEKUTUAN	PERINGKAT NEGERI
<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Persekutuan <ul style="list-style-type: none"> i. 25 Kementerian ii. 12 Ketua Jabatan iii. 4 Jabatan pemungut hasil utama: <ul style="list-style-type: none"> - Jabatan Kastam Diraja Malaysia - Jabatan Imigresen Malaysia - Jabatan Pengangkutan Jalan - Polis DiRaja Malaysia • Pejabat Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • 13 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

c) Hasil Penarafan Indeks Akauntabiliti Bagi Tahun 2013 Hingga Tahun 2015

Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam serta penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi-agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang dari 4 bintang ke 5 bintang pada tahun 2015.

Secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan agensi bagi tahun 2015 adalah lebih baik dengan 180 Kementerian/Jabatan/Agensi mendapat penarafan **CEMERLANG (5 Bintang)** berbanding dengan 114 Kementerian/Jabatan/Agensi pada tahun 2014 dan 194 pada tahun 2013. Pencapaian yang ketara ini menunjukkan pelaksanaan IA telah memberi dorongan kepada Pegawai Pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan.

3.3. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/ Aktiviti/Projek Kerajaan Di Peringkat Persekutuan dan Negeri

- a) Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
 - b) Bagi Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara ini, sebanyak 70 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat.
4. Seperti mana yang terdahulu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 78 (Kerajaan Persekutuan), 43 (Badan Berkanun Persekutuan) dan 181 (Kerajaan Negeri) syor untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
 5. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 yang memberikan ulasan/tindakan terkini daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.
 6. Kandungan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015; Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Kewangan Tahun 2015 Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri; dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1

Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri berserta sinopsisnya boleh dilayari di Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 18 Mei 2016 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi ketiga-tiga laporan tersebut serta Laporan Maklum Balas oleh Kementerian Kewangan Malaysia turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Taklimat, Aras G, Blok A, Bangunan Sementara, Parlimen Malaysia. Laporan-laporan ini hendaklah dibaca bersama untuk mendapatkan kedudukan terkini isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

7. Satu sesi *townhall* bersama media mengenai Laporan Ketua Audit Negara ini juga akan diadakan pada 24 Mei 2016 (Selasa) di Auditorium Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada jam 8.30 pagi. Sesi *townhall* ini akan dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara dan juga Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan semua pihak media dijemput ke sesi tersebut.

Ketua Audit Negara
Malaysia

18 Mei 2016